

**S** Senioriti antara faktor anda diberi mandat menjadi teraju Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) Sesi 2014/2015. Bagaimana penerimaan anda terhadap pelantikan ini?

**J:** Sebenarnya, saya agak terkejut apabila mendapat undi majoriti untuk menerajui MPPK baharu ini kerana dua tahun sebelum ini saya sebagai Setiausaha Agung Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) hanya menjadi ahli jawatan kuasa bagi MPPK Zon Timur.

Namun, saya akui pengalaman itu sangat berguna kerana memberi pendedahan berkaitan termasuk dalam aspek penyediaan kertas kerja, mempunyai pemahaman menyeluruh mengenai objektif dan struktur organisasi selain turut berpeluang mengemukakan pelbagai cadangan untuk penambahbaikan peranan dan fungsi badan kepemimpinan pelajar tertinggi ini.

Saya berasa bertuah kerana menerajui barisan ahli MPPK yang berkaliber, memiliki kombinasi kelebihan dan kemahiran dan idea tersendiri yang mampu menyumbang kepada pelaksanaan misi badan kepemimpinan ini dengan lebih baik.

Contohnya, ada antara ahli MPPK yang memiliki idea yang bagus dan mahir dalam aspek pengurusan walaupun daripada universiti yang belum mempunyai kapasiti untuk menganjurkan program besar seperti simposium dan konvensyen, masih boleh melaksanakan cadangannya menerusi kerjasama dengan universiti yang lebih besar.

**S:** Adakah sebarang rombakan terhadap struktur organisasi MPPK baharu?

**J:** Dalam pertemuan dengan pegawai kanan Kementerian Pendidikan pada awal bulan lalu, undian dibuat bagi jawa-

tan utama sahaja iaitu saya sebagai Pengurus dan Yang Dipertua (YDP) MPP UPM, Muhammad Hanif Ramli sebagai Setiausaha Agung.

Kami sudah menyenaraikan barisan EXCO baharu MPPK iaitu YDP MPP 18 lagi universiti awam (UA) sePERTI diamalkan sebelum ini dan hanya perlu mendapatkan pengesahan daripada kementerian sebelum pelantikan dilaksanakan secara rasmi.

Tiada banyak cadangan perubahan yang dilakukan kecuali pengenalan jawatan setiausaha kerja dan tiga jabatan baru iaitu komunikasi dan multimedia, kesukarelawanan serta kepemimpinan dan pembangunan sahsiah.

Jawatan Pengarah Komunikasi dan Multimedia diwujudkan kerana media sosial memainkan peranan penting dalam penyebaran maklumat kepada mahasiswa secara khususnya. Kami juga cuba untuk menjadi mahasiswa yang terdidik agar memilih informasi yang benar dan tepat.

Pelantikan Pengarah Kesukarelawanan pula berdasarkan manfaat aktiviti kesukarelawanan sebagai wadah terbaik dalam menggalakkan mahasiswa menyumbang kepada masyarakat selari dengan matlamat penubuhan universiti.

Antara inisiatif disarankan adalah Varsiti Volunteers yang diyakini mampu menerapkan jati diri nasional serta semangat perpaduan antara kaum dalam kalangan mahasiswa serta mencungkil bakat baharu dalam kepemimpinan.

Pengwujudan Pengarah Kepemimpinan dan Pembangunan Sahsiah pula diharap dapat memangkin usaha membimbing mahasiswa menjadi pemimpin pelapis yang mempunyai sahsiah dan akhlak yang baik.

Sementara itu, pelantikan naib presiden mengikut zon iaitu Tengah, Utara, Borneo, Timur dan Selatan dikekalkan selain bendarai, Pengarah

**S:** Parlimen Mahasiswa Kebangsaan dan Parlimen Belia antara wadah yang boleh dijadikan saluran alternatif bagi pelajar menyuarakan isu atau usul kepada kerajaan. Bagaimana MPPK kekal relevan walaupun dengan wujudnya saluran tamba heu seumpama itu?

**J:** MPPK tidak menganggap kewujudan saluran alternatif



Anas (tiga dari kanan) menerima replika Baucar Buku 1Malaysia daripada Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin bersempena dengan Majlis Ramah Mesra bersama-sama Pemimpin Mahasiswa di Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.

# MPPK kekal relevan

**M** asih relevankah Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) dengan adanya medium baharu bagi mahasiswa bersuara termasuk Parlimen Mahasiswa Kebangsaan yang dihadiri wakil persatuan dan kelab universiti seluruh negara?

Pengurus Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) baharu merangkap Presiden Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Sultan Zainal Abidin, Muhammad Anas Misbahudin, merungkai persoalan itu menerusi perkongsian mengenai perjuangan badan kepemimpinan pelajar itu sebagaimana disampaikan kepada wartawan Varsiti, Rosniza Mohd Taha.

Belia dan Sukan, Pengarah Antarabangsa dan Korporat serta Pengarah Akademik dan Pendidikan.

itu sebagai cabaran, sebaliknya melengkapinya usaha kami dalam memperjuangkan isu mahasiswa.

Isu dikemukakan menerusi Parlimen Mahasiswa Kebangsaan dan Parlimen Belia akan dibincangkan pemimpin kerajaan setelah ia diusulkan dalam persidangan.

Pendekatan penyaluran isu dan usul menerusi MPPK pula berbeza dan melalui proses yang lebih panjang.

Kami perlu menyediakan kertas kerja yang lengkap dan menyeluruh mengenai isu atau yang akan dibentangkan kerajaan ia akan dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri selain dikemukakan secara terus kepada pemimpin atau wakil kementerian berkaitan semasa Persidangan MPPK di-adakan, lazimnya dijadualkan berlangsung dua kali setahun.

Contohnya, jika isu yang ingin diketengahkan adalah berkaitan keselamatan, Menteri Dalam Negeri akan menghadiri persidangan MPPK bagi memberi respon secara terus.

Akses secara terus dengan pemimpin kerajaan bagi menyuarakan isu dan usul mahasiswa ini adalah kelebihan MPPK dalam memastikan sesuatu perkara diselesaikan pada kadar segera.

Malah, kami tidak perlu menunggu hingga persidangan berlangsung jika timbul isu utama pelajar yang perlu diemukakan segera kepada kerajaan, sebaliknya menyiapkan kertas kerja mengenainya



**Muhammad Anas**

dan berhubung terus dengan pemimpin kementerian berkaitan untuk tindakan segera.

**S:** Apakah perancangan program MPPK setakat ini?

**J:** Dalam masa terdekat, MPPK akan mengadakan sesi prapersidangan bersama-sama Kementerian Pendidikan bagi membincangkan usul dan isu yang sesuai dan perlu diutamakan untuk diketengahkan dalam Persidangan MPPK yang belum lagi ditetapkan tarikhnya.

Secara dasarnya, antara perkara utama yang akan kami cadangkan adalah penekanan terhadap usaha membudayakan aktiviti kesukarelawanan dalam kalangan mahasiswa sebagai wadah mengasas bakat dan kemahiran insaniah mereka termasuk kepemimpinan.

Antaranya ialah menjalankan program sukarelawan di Sabah serta menganjurkan konvensyen kepemimpinan peringkat Asia bagi menghim-punkan pemimpin pelajar di rantau ini dan meluaskan rangkaian kerjasama.

Isu sara hidup turut menjadikan keutamaan kami termasuk dalam mencadangkan penge-nalan kad diskau baharu yang boleh memberi manfaat lebih luas serta memastikan kesan pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan yang minimum terutama membabitkan kos makanan dalam kampus.

Kami juga akan memperjuangkan kajian semula pendekatan bayaran balik Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional dengan

menjadikan kaedah digunakan Majlis Amanah Rakyat sebagai contoh, termasuk memberi diskau pembayaran semula atau tawaran boleh ubah kepada biasiswa berdasarkan kecermerlangan akademik.

**S:** Harapan dan pesanan anda kepada barisan kepemimpinan MPPK serta mahasiswa secara keseluruhannya?

**J:** Masih ramai pelajar tidak begitu sedar akan keberadaan MPPK dalam komuniti mahasiswa dan kami akan cuba mengubah senario ini dengan memanfaatkan media sosial sebagai medium untuk meningkatkan komunikasi serta penyaluran maklumat kepada masyarakat kampus.

Laman Facebook akan menjadi saluran utama bagi kami memaklumkan perkembangan isu diperjuangkan mahupun ulasan berkaitan isu pelajar bagi mengurangkan insiden salah faham mahupun penyaluran maklumat yang tidak sahih.

Kami berharap pelajar UA tidak mudah terikut-ikut atau terlalu teruja menyebarkan sesuatu perkara tanpa memastikan kesahihan sumber dan maklumat diterima.

YDP MPP juga perlu lebih serius, proaktif dan berprinsip dalam tindakan yang dibuat. Sebarang salah faham atau polemik yang timbul perlu diselesaikan secara rasional, diplomatik dan diplomasi.

Sebagai pemimpin, mereka seharusnya lebih rasional dan memiliki pemikiran lebih tinggi supaya menjadi contoh yang baik kepada pelajar lain.